

SASTERA ETNIK SABAH

MELESTARIKAN KEARIFAN GEOGRAFI TEMPATAN

OLEH RAMZAH DAMBUL

Makalah ini menyorot secara ringkas tentang kepentingan sastera etnik Sabah dalam merakamkan kesinambungan ilmu yang teradun dalam elemen-elemen geografi tempatan. Hal ini menghujahkan ciri kekuatan penting peribumi Sabah dalam mendukung peranan "perakamannya" ini, iaitu "etnodiversiti" (kepelbagaian etnik) yang tinggi serta kefahaman tulen mereka terhadap beberapa entiti geografi setempat. Proses melestarikan kearifan geografi tempatan diolah menerusi penggunaan tema yang merangkumi persekitaran lokaliti, flora dan fauna, serta landskap fizikal. Beberapa naskah terpilih ditampilkan sebagai manuskrip rujukan untuk memberikan contoh

gambaran awal cara modus penerapan tersebut diaplikasikan dalam penulisan karya sastera.

Namun begitu, gagasan dalam kajian ini masih bersifat "eksploratori" (tinjauan awal) kerana konsep sastera etnik belum tersertah tuntas dalam dunia kesusasteraan Malaysia, apatah lagi dalam konteks sabitan dengan pelestarian kearifan geografi tempatan. Gagasannya cuma memberikan jukuz analisis am terhadap argumen yang cuba dihujahkan dalam perbincangan. Usulan ini diilhamkan daripada "Momogunsia", iaitu gelaran timangan kepada gerakan sastera etnik Sabah yang dipelopori oleh Persatuan Penulis Kadazandusun-Murut. Persatuan ini mewakili para penulis etnik daripada kelompok kaum generik terbesar di Sabah, iaitu Kadazandusun dan Murut.

Terdapat pelbagai kaedah pengkategorian sastera berasaskan kebangsaan, misalnya menggunakan model

Arts & Literature - General
Pg = 9 - 13

CTR NO = 0000 274100

ARI 2015 / A06 9

DISEMBER 2015 | DEWAN SASTERA

klasifikasi teras-pinggir dan Timur-Barat (Hargeaves, 2005). Kedua-dua pembahagian ini secara am memmanifestasikan pertentangan hierarki sosial antara beberapa kelompok sasterawan dengan penulis yang berbeza latar belakangnya. Pertentangan tersebut lazimnya menjurus kepada usaha-usaha memperjuangkan keterpinggiran sesuatu kelompok marginal yang berada dalam "cengkaman" kelompok yang lebih dominan (arus perdana), sama ada dalam aspek sosiopolitik atau sosioekonomi. Sastera etnik merupakan salah satu kategori sastera yang dijelmakan oleh pengelasan yang demikian, dan hal ini juga sudah tentu membawa semangat "emansipasi" yang tersendiri untuk bebas daripada pergelutan aliran sastera arus perdana (Reilly, 1978).

Kesusasteraan merupakan salah satu wadah ekspresi bagi para penulis yang mahu menzahirkan pemikiran atau gagasan dalam bentuk karya kreatif. Kedua-dua elemen ini tentulah tumbuh dan berkembang menerusi adunan pengalaman dan pandangan peribadi penulis. Maksudnya, karya tersebut akan terolah bersama-sama nilai dalaman penulis yang dibina berdasarkan persekitaran tempat mereka hidup dan membesar.

Sastera etnik memiliki keunikannya yang tersendiri kerana dihasilkan oleh kumpulan penulis yang berasal daripada sosiobudaya bukan aliran arus perdana. Justeru, hasil karya mereka secara natural dijangka dapat membawa nafas dan rona sastera yang berlainan. Secara mudahnya, hasil karya mereka dianggap sebagai suatu platform yang memberikan suara alternatif kepada komuniti yang terpinggir, menerusi media kesusasteraan.

Konteks Sastera Etnik di Malaysia

Barangkali konsep "sastera etnik" masih agak asing di Malaysia. Hal ini berbeza daripada konsep "sastera rakyat" yang merujuk kesusasteraan pelbagai bentuk yang diwarisi daripada tradisi lisan sesuatu komuniti. Dalam hal ini, sastera etnik merupakan klasifikasi kesusasteraan yang merujuk karya-karya yang dihasilkan oleh kumpulan marginal dalam sesuatu masyarakat. Karya tersebut boleh sahaja berbentuk kontemporari, atau barangkali intinya terilham (sebahagian dan bukan seluruhnya) daripada sastera rakyat milik sesuatu suku.

Dalam konteks Malaysia, kumpulan penulis marginal tersebut dirujuk sebagai suku etnik yang tergolong dalam kelompok "lain-lain". Maksudnya, karya sastera kontemporari (pascaera persuratan) yang ditulis oleh mereka yang bukan beretnik Melayu, Cina dan India - kerana ketiga-tiga etnik ini secara konvensional dianggap mewakili arus perdana¹. Mereka boleh menyuntik kelainan dalam karya sastera kerana adanya banchuan nilai etnik yang diwarisi: sama ada menerusi pengalaman sebenar di lapangan (pada peringkat keluarga, kabilah atau komuniti) mahupun melalui warisan folklor lisan (misalnya cerita rakyat) yang diperturunkan oleh kesusasteraan tradisional suku masing-masing (Mohd Suhaimi dan Lokman, 2014).

1. "Lain-lain" ialah kategori etnik marginal di Malaysia yang merangkumi pelbagai etnik orang asli, Bumiputera Sabah dan Sarawak, serta komuniti etnik minoriti yang bukan dianggap sebagai arus perdana, seperti Sikh, Serani, dan Baba Nyonya.
2. Konteksi ini masih boleh diperdebatkan. Sebagai misalnya, barangkali masih boleh dipersoalkan sama ada kesusasteraan Tamil dan Cina dalam konteks Malaysia tergolong dalam arus perdana atau sastera etnik.

Sastera Etnik Peribumi Sabah

Makalah ringkas ini akan memfokuskan penelitian terhadap peribumi Sabah; yang dianggap sebagai kategori "etnik lain-lain" terbesar di Malaysia, iaitu melangkau 32 suku yang mempunyai perbezaan signifikan dari segi linguistik dan sosiobudaya. Dari perspektif memperjuangkan suara komuniti marginal, sastera etnik Sabah dapat memainkan fungsinya dalam tiga aspek penting:

1 Merakamkan dan mendokumentasikan item-item kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan lisan yang unik kepada pelbagai suku bagi memperkaya khazanah negara. Hal ini bukan sahaja penting untuk pengukuhan jati diri, bahkan dapat dikomersialkan untuk tujuan pelancongan.

2 Mengangkat citra sosiobudaya dan adat suku tempatan Sabah untuk kefahaman lebih mendalam pada peringkat kebangsaan. Hal ini sekali gus dapat dimanfaatkan sebagai rencah penting dalam integrasi nasional, serta penggubalan dasar pembangunan fizikal pada skala wilayah dan daerah.

3 Mencerap dan menyerlahkan kearifan lokal peribumi Sabah dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan geografi tempatan. Hal ini dapat membantu ke arah penginstytusian terhadap pengetahuan tradisional (yang mempunyai asas saintifik geografi) bagi memperluas korpus ilmu yang berkaitan.


Aspek yang pertama dan kedua telah banyak dikaji oleh para sarjana sastera; misalnya oleh Lokman Abd Samad (2009), Asmiaty Amat *et al.* (2011), dan Henry Bating (2011). Walau bagaimanapun, aspek ketiga yang bersabit dengan hubungan sastera etnik dan kearifan geografi tempatan masih lagi terlalu sedikit diketengahkan dalam wacana. Terdapat percubaan awal daripada Lokman Samad *et al.* (2014) dan Asmiaty Amat (2011) misalnya, tetapi tidak menjurus sepenuhnya kepada pemerihalan elemen geografi. Justeru, jurang korpus dan kelompangan ini menjadi motivasi terpenting di sebalik pemilihan isu dalam perbincangan ini. Hal ini menjuruskan inisiatif kepada aspek yang belum diteroka secara meluas.



Elemen Kearifan Geografi Tempatan

Apakah elemen-elemen utama yang boleh membina konsep kearifan geografi tempatan dalam karya sastera? Tema yang lazim ditonjolkan merangkumi persekitaran tempatan, flora dan fauna, serta landskap fizikal. Manakala, kearifan yang boleh diungkap menerusi ekstrak tema tersebut, termasuklah lokasi petempatan, biogeografi perubahan dan gastronomi, geomorfologi dan orografi, serta ilmu pengetahuan tentang cuaca dan iklim.

Para penulis, menerusi pendekatan sastera etnik, mengungkapkan tema geografi tersebut sambil memanasifasikan kearifan ilmu tempatan yang tersirat. Karya-karya fiksiyen ini secara tersendiri mungkin tidak dapat dinobatkan sebagai ilmu pengetahuan yang tuntas. Namun begitu, kearifan lokal yang diawet cermat dalam karya-karya sastera etnik ini dapat digunakan sebagai pemangkin pada penginstitusian ilmu tersebut. Hal ini tentunya menuntut usaha-usaha lain yang lebih tersusun, di luar kerangka kesusasteraan semata-mata.



Operasi Melestarikan Kearifan Geografi Tempatan

Terdapat banyak karya sastera yang dihasilkan oleh penulis suku asli (*native*) Sabah yang mengadun nilai signifikan geografi dalam karyanya. Kedudukan mereka sebagai penulis peribumi Sabah membantu penzahiran elemen-elemen lokal dengan lebih tepat dan natural.

Novel *Bagaton* karya Amil Jaya (DBP, 1987) membawa isu pertentangan dua suku Sabah yang berbeza latar

budaya dan kepercayaan, iaitu komuniti Bajau Sama (masyarakat pesisir laut beragama Islam) dan komuniti Dusun Idaan (masyarakat darat yang secara tradisionalnya berkepercayaan animisme) - mengikut latar zaman yang dipilih dalam novel. Sungguhpun fokus utama novel ini lebih kepada sengketa sosiobudaya, namun pewarnaan latar tempatnya (iaitu sekitar Tempasuk pada abad ke-18) membawakan rona-rona geografi yang jelas. Novel ini menawarkan kearifan tempatan yang

unik kepada komuniti Dusun dan Bajau, dari segi persekitaran landskap fizikal mahupun aktiviti sosioekonomi penduduk setempat.

Kumpulan pantun *Asal Mengenal Usul* hasil tulisan Hasyuda (2014) yang beretnik Kedayan ialah rakaman tentang "lokaliti-lokaliti" khusus di Sabah serta mengungkapkan jarak relatif tempat-tempat tertentu (misalnya, Pulau Banggi, Pulau Bambangan, hlm. 26; Padang Barampah, Sindumin, hlm. 30; dan Kota Belud, Kota Klias, hlm. 64). Naskah ini juga memberikan gambaran secara tidak

langsung tentang aktiviti sosioekonomi (menugal padi bukit, hlm. 17) serta taburan demografi yang rencam dengan pelbagai etnik di seluruh Sabah (Bajau Sama, hlm. 28; Rungus, hlm. 39).

Kumpulan cerpen *Kelalagan* oleh Sitti Rahmah G. Ibrahim (DBP, 2006) yang beretnik Suluk memerihalkan sosiodemografi komuniti suku penulis sendiri di pantai timur Sabah. Hal ini bukan sahaja mengangkat persoalan yang berkaitan dengan hubungan sosialisasi penduduk berdasarkan ciri-ciri etnik, tetapi sama seperti Hasyuda (2014), cerpen-cerpen dalam buku ini turut memerihalkan persekitaran tempatan di kawasan pesisir pantai sekitar Sandakan, Semporna, Lahad Datu, dan Tawau.

Raymond Majumah (2003) yang beretnik Rungus mempersembahkan pelbagai aspek tempatan kawasan utara Sabah, khususnya di sekitar daerah Kudat dan Kota Marudu. Selain itu, kisah-kisah dalam kumpulan cerpen *Selamat Tinggal Sabah* turut disuntik dengan suasana iklim dan pola orografi di persekitaran latar cerita ini diolah. Hal ini termasuklah kitaran angin monsun dengan beberapa peralihan yang dinamik di penghujung tanjung Simpang Mengayau.

ABM Fajeer (DBP, 2004) daripada etnik Melayu Brunei memerihalkan beberapa item tentang landskap fizikal, serta membangkitkan dinamik proses atmosfera dan hidrologi pinggir pantai di kawasan timur Sabah menerusi buku kumpulan puisi *Taufan*. Bagi yang memahami secara tuntas tentang pola sirkulasi atmosfera di wilayah maritim ini, getaran angin dan olak gelombang laut yang begitu tepu dicitrakan dalam buku ini, membawa signifikan fizikal yang begitu kuat.

Modus Sastera dalam Melestarikan Kearifan Tempatan

Barangkali, dalam korpus sastera yang dihasilkan oleh para penulis etnik peribumi Sabah, unsur geografi hanya ditonjolkan sebagai pewarnaan latar cerita. Tetapi menerusi himpunan secara kolektif, hal ini akhirnya dapat menjelmakan suatu citra kearifan khusus yang boleh diangkat sebagai sumber pengetahuan. Sungguhpun setiap perkara dan contoh yang diekstrakkan langsung daripada karya kesusasteraan ini tidak dapat membina secara mandiri akan konsep ilmu geografi yang konkrit, namun kesemua rakaman yang teradun dalam karya tersebut dapat menjadi pemangkin pada proses pelestarian yang lebih sistematik.

Sememangnya, karya fiksiyen kreatif sebagai suatu wadah yang lebih popular daripada penulisan rencana mahupun akademik, dapat mengangkat suara marginal etnik (yang ditonjolkan dalam penulisan) dengan lebih lantang hingga mampu menembusi ceruk paling jauh dalam arena persuratan kebangsaan. Hal ini kemudian menguaja minat susulan untuk menginstitusikan kearifan-kearifan geografi setempat itu dengan usaha yang lebih mantap. Sebagai contohnya, inisiatif untuk memahami pola sosiodemografi komuniti Bajau Laut (Pa'la'uh) yang berselerak di sempadan maritim Sabah-Filipina-Indonesia di sekitar domain Laut Sulu-Sulawesi ada ketika dipaksikan kepada karya-karya fiksiyen yang ditulis tentang komuniti ini oleh para sasterawan peribumi. Begitu juga tentang ilmu perubatan tradisional berasaskan vegetasi, tradisi gastronomi dan kaedah pemuliharaan alam sekitar (seperti sistem tagal) - sebahagian minatnya tercampah dalam sastera etnik.

Secara idealnya (jika hal ini dipacu sebagai suara untuk mengangkat isu pergelutan seputar komuniti marginal), sastera etnik boleh membawa peranan efektif sebagai salah satu strategi melestarikan kearifan geografi tempatan. Dalam konteks peribumi Sabah, sastera etnik (yang terolah dalam lebih kurang 32 kelompok dengan pelbagai ragam sosiobudaya, demografi, dan lokaliti yang unik) dapat mencerap, merakam, dan mengawetkan pelbagai elemen yang merangkumi lokaliti setempat, unsur-unsur orografi dan landskap fizikal, perihal cuaca dan iklim, serta aspek biogeografi perubahan dan gastronomi bagi kekayaan flora fauna di negeri ini.

Secara am, perbincangan ini merupakan suatu penegasan terhadap peri pentingnya kesusasteraan dalam konteks kemasyarakatan dan pembinaan tamadun manusia. Oleh sebab karya sastera bukan sahaja dapat menawarkan nilai estetika kebudayaan dan persuratan semata-mata, tetapi juga mengukuhkan ilmu dan pemikiran yang berbentuk gunaan di lapangan sosial. Dalam konteks sastera etnik Sabah, peranan untuk melestarikan tujuan ini hanya dapat didukung dengan efektif oleh komuniti peribumi Sabah sendiri. Mengapa? Oleh sebab, dengan jelas sekali, kumpulan inilah yang mempunyai penghayatan dan apresiasi persekitaran setempat yang lebih mendalam serta tulen, lantas dapat merakamkan keaslian kearifan tempatan tersebut dalam pengalaman yang lebih dekat dan abah dengan pendirian identiti dan jati diri mereka, sekali gus memberikan warna yang sepatutnya dalam medan perkongsian wacana kesusasteraan arus perdana. ■

RUJUKAN

- ABM Fajeer, 2004. Kumpulan Puisi *Taufan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amil Jaya, 1987. *Bagaton*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat, "Unsur Alam dalam Terbang Tinggi Nan Jauh" Karya Raymond Majumah" dlm. *Jurnal of Arts Gendang Alam* Jilid 2, Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2011.
- Asmiaty Amat, Lokman Abd. Samad, "Syair dan Siri Bugis dalam Pengkalan Adat Perkahwinan Masyarakat Bugis Sabah" dim. *Jurnal Pengajaran Melayu* Jilid 22. Akademi Pengajaran Melayu, Universiti Malaysia, 2011.
- Hargreaves, Alec G. "Ethnic Categorizations in Literature" dlm. *Revue Européenne Des Migrations Internationales (REM)* 21:2, hlm. 19-33, 2005.
- Hasyuda Abadi, 2014. Kumpulan Pantun *Usul Mengenal Asal*, Kota Kinabalu: Sukor bin Usin @ Hussin (terbitan sendiri).
- Henry Bating, 2011. "Sastera Kadazandusun dalam Perspektif Integrasi Nasional". Kertas kerja dalam Seminar Sastera Pelbagai Kaum. Dewan Okestra ASWARA, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan, 29 Mac 2011.
- Lokman Abd. Samad, 2004. "Sundaif: Pengucapan Istimewa Masyarakat Kadazandusun" dlm. Mohd. Sarim Hj. Mustajab (ed.) *Warisan Budaya Sabah Etnisiti dan Masyarakat*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Lokman Abd. Samad, Ramzah Dambul, dan Asmiaty Amat, 2014. "Folklor Natif Sabah: Warisan Sosiobudaya dan Mercu Tanda Geografi". Kertas kerja dalam Persidangan Antarabangsa Pengajaran Malaysia ke-9, Universiti Malaysia Terengganu, 19 Ogos 2014.
- Mohd. Suhaimi Md. Yasin dan Lokman Abd. Samad, 2014. *Koleksi Cerita Rakyat Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Nuraini Boon Abdullah, 2014. "Ubi Kayu Bertunas Ulang" dlm. Katharina Susanna Tati (ed.) *Antologi Cerpen Nyir Gading Tinggi Menjulangi*. Kota Kinabalu: IRIS Publishing.
- Raymond Majumah, 2003. Kumpulan Cerpen *Selamat Tinggal Sabah*. Kota Kinabalu: SLC Sdn. Bhd.
- Reilly, John M. "Criticism of Ethnic Literature: Seeing the Whole Story" dlm. *MELUS 5:1 Critical Approaches to Ethnic Literature*, hlm. 2-13, 1978.
- Sitti Rahmah G. Ibrahim, 2006. Kumpulan Cerpen *Kelalagan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.